

Iqbal Hafiedz

UM 16/7/06 ms-21

tewas sebelum berjaya sebagai pendebat

OLEH SITI AINIZA KAMSARI
GAMBAR NORIMAH OSMAN

DALAM usia 26 tahun, anak muda ini menjajah ke hampir seluruh pelosok dunia. Malah ketika rencana ini ditulis beliau berada di Auckland, New Zealand untuk memperjuangkan idea dan pendapat yang bemas dan padat dalam Kejohanan Debat Antara Universiti Australasian 2006.

Iqbal Hafiedz Ahmad Bazari hanyalah seorang pelajar tetapi beliau menggunakan kemahirannya dan kepakaran berhujah bukan sahaja untuk memberikan maklumat terbaru. Sebaliknya, bagi mengajak semua pihak supaya bertindak proaktif dan segera membentulkan senario dan keadaan yang pincang.

"Saya mahu supaya kita tidak terlewat atau diumpamakan nasi menjadi bubur. Jika semuanya sudah terlambat maka tidak ada apa lagi yang boleh dilakukan.

"Maka kita akan meneruskan juga hidup tetapi dengan hati yang penuh rasa kesal, kecewa dan saling tuduh-menyuduh dan salah menyalahkan antara satu sama lain," katanya dalam pertemuan dengan *Utusan Malaysia* di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam baru-baru ini.

Isu Palestin umpamanya, kata Hafiedz, bukan sekadar isu identiti umat Islam tetapi soal kewajaran manusia zionis yang bersikap angkuh, degil, kejam dan zalim untuk mencapai matlamat menghalalkan cara yang terang-terangan untuk kepentingan bangsa sendiri.

"Berapa banyak kemalangan jiwa secara sengaja dan besar-besaran berlaku pada hari ini akibat perbuatan segelintir orang yang berkuasa dan angkuh bertindak menegatangi undang-undang," tegasnya.

Walau di mana pun pentas acaranya, isu Palestin tidak sahaja menjadi topik debat kegemaran anak muda ini. Malah Hafiedz tidak akan berganjak walau seinci untuk mengutuk kezaliman rejim Israel yang be-

GENERASI BERWAWASAN

gitu menggigit seluruh perasaan umat manusia.

"Adalah menjadi satu kelebihan sebenarnya apabila Malaysia mempengekusikan Persidangan Negara-negara Islam (OIC).

"Jika dihipunkan penduduk Islam dunia, jumlahnya hampir 1.6 bilion orang. Negara-negara Arab yang mempunyai penduduk seramai 300 juta semestinya dapat membantu rakyat Palestin yang jumlahnya hanya dua juta," jelasnya.

Mengenalinya secara lebih dekat lagi, Hafiedz dinobatkan sebagai Pendebat Terbaik Asia dalam Kejohanan Debat Antara Universiti Seluruh Asia di Langkawi pada Mei lalu.

Sebagaimana kisah rakan sepasukannya, Adiba Shareen Al Ayubi, yang disiarkan dalam akhbar *Utusan Malaysia* sebelum ini, Hafiedz juga mempunyai senarai kejayaan yang cukup panjang dan mengagumkan.

"Tetapi semua ini tidak bermula dengan mudah, jauh sekali umpama dilahirkan dalam dulang emas.

"Saya tidak mempunyai sebarang minat jauh sekali bakat untuk berdebat atau berpidato. Tidak pernah saya terfikir untuk terlibat baik di mana-mana peringkat sama ada semasa di sekolah rendah mahupun menengah," kata bekas pelajar Penang Free School ini.

Begitupun ada rakannya dapat mencium bakat yang terpendam pada diri anak muda ini semasa dia menuntut di UiTM cawangan Arau, Perlis.

"Tanpa saya ketahui niat sebenarnya pada suatu hari saya dibawa oleh rakan saya ini menyaksikan pertandingan perdebatan dalaman yang berlangsung di Kampus UiTM Arau.

"Saya pun hanya menyaksikan perdebatan itu dan tidak pula mengubah sebarang pendirian dan minat saya selepas itu.

"Begitulah yang dilakukan oleh rakan saya, setiap kali ada pertandingan seperti itu pasti dia mengajak saya sehingga pada suatu hari, akhirnya saya 'terperangkap'," katanya tersenyum.



IQBAL HAFIEDZ AHMAD BAZARI bersama rakan debat dengan piala Debat Intervarsity yang dimenangkannya baru-baru ini.

Berikutan itu, anak keenam daripada tujuh beradik ini disenaraikan menyertai pertandingan bahas di kampusnya di UiTM Arau.

"Tuhan sahaja yang tahu betapa berkecamuknya fikiran saya ketika itu. Saya benar-benar kosong, tidak tahu apa yang perlu dibuat dan tidak ada sesiapa pula yang hendak menolong, lebih teruk daripada jadi bidan terjun rasanya," jelas beliau.

Akibatnya dalam tempoh setahun itu apa yang disaksikan hanyalah kekalahan demi kekalahan yang ditempuh oleh Hafiedz.

"Betul, dalam tahun pertama itu saya tidak pernah menang, jangan kata layak nak masuk mana-mana peringkat. Kata orang, awal-awal lagi saya pasti kalah... kalah teruk. Bagi orang lain, yang perlu ditanggung adalah malu, menyesal, sedih dan sebagainya.

"Tetapi, itulah yang peliknya, walaupun kalah malah sering diminta supaya ucapan selamat tinggal tetapi saya tidak putus asa. Selagi ada peluang, saya akan menyertai pertandingan debat walaupun tahu saya pasti akan kalah," katanya.

Bagaimanapun, itu adalah kisah pahit Hafiedz pada tahun 2000. Apa yang berlaku selepas itu sehingga hari ini adalah sebaliknya. Malah ia bagaikan menuai hasil. Selepas puas bercucuk tanam kini anak muda ini mencipta nama di persada perdebatan negara dan anta-

rabangsa terutama di kalangan mahasiswa universiti tempatan.

"Saya sendiri seperti tidak percaya. Daripada seorang yang begitu 'bangku' dan kelu tetapi berkat usaha dan doa, saya bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana dapat berada pada tahap sekarang.

"Itu pun sebenarnya bukan saya anggap sudah berjaya, tetapi yang lebih penting ia menjadikan saya seorang yang lebih yakin, tabah, kuat dan percaya kepada semua ketentuan Allah," jelasnya.

Penuntut tahun akhir kursus sarjana muda Pemiagaan Antarabangsa ini juga menjadikan arena perdebatan untuk menonjolkan imej negara.

Katanya, apabila bergaul dengan para pendebat dari negara lain, pelbagai salah tanggapan wujud apabila nama Malaysia dan Islam disebut.

Tetapi beliau sering memperbetulkan tanggapan itu dengan kemampuan dan kemahiran melontarkan idea dan pendapat.

"Walaupun dalam pertandingan, kita juga kadangkala mengalami pelbagai kejutan apabila pihak lawan 'bebas' bersuara namun saya tetap berpegang kepada budaya Melayu bahawa apabila bercakap kita perlu berlapik dan berhalus. Ini sebenarnya membantu kita untuk bemada lebih tenang dan lebih mendapat perhatian audiens," katanya.

Atas nama debat juga, Hafiedz menjejaki hampir 15 negara di dunia. Begitupun, beliau berharap tugasnya sebagai duta kecil ini akan bertukar menjadi duta rasmi negara selepas tamat pengajian. Ditanya mengenai minatnya, Hafiedz yang mempunyai perwatakan humor dan bersahaja berkata, membaca adalah kegemarannya.

"Bukan kerana ia membantu saya dalam perdebatan tetapi saya anggap membaca itu satu pemberian Allah yang perlu dinikmati sepenuhnya. Sebab itu ayat al-Quran pertama yang diwahyukan iaitu Surah Al-Alaq menyuruh umat Islam membaca maka saya menyedari sepenuhnya hikmah atau asbab ayat tersebut," katanya.



IQBAL HAFIEDZ AHMAD BAZARI

Name: Iqbal Hafiedz Ahmed Bazari
Asal: Pulau Pinang
Status: Pelajar tahun akhir Pemiagaan Antarabangsa UiTM Shah Alam

Antara Pencapaian:

1. Anugerah Pencapaian Individu Terbaik daripada Majlis Debat Awam Universiti Malaysia (MADUM) 2004.
2. Anugerah Pencapaian Terbaik Sepanjang 2000-2005 pada Kejohanan Debat Piala Naib Canselor

2005.

3. Wakil UiTM dan Malaysia dalam Debat Price Waterhouse-Cooper-Oxford Antara Universiti di Oxford, United Kingdom, 2004.

4. Wakil Malaysia sebagai Duta Pelajar untuk *Voices of the Future* for Apec Programme di Santiago, Chile 2004.

5. Wakil Malaysia untuk Khidmat Remaja Pelbagai Agama anjuran Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di Bangkok, Thailand 2002.